



## SIARAN AKHBAR

---

MAJLIS PENGHARGAAN PESARA-PESARA  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
SERTA JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA  
BAGI TAHUN 2020M & 2021M

Hari Sabtu, 14hb. Zulkaedah 1444H bersamaan 03hb. Jun 2023M

**Bandar Seri Begawan** - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) pagi tadi telah mengadakan Majlis Penghargaan Pesara-Pesara Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Jabatan-Jabatan di bawahnya bagi Tahun 2020M & 2021M bertempat di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Turut hadir ialah Yang Mulia Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan, Pegawai dan Kakitangan KSSUP serta Jabatan-Jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, Tazkirah serta diikuti dengan Doa Selamat.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan seterusnya berkesudian bagi menyampaikan sijil perkhidmatan dan cenderahati kepada pesara-pesara KSSUP serta Jabatan-Jabatan di bawahnya. Pada tahun 2020 & 2021, seramai 110 Pegawai dan Kakitangan KSSUP serta Jabatan-Jabatan di bawahnya telah bersara.

Majlis seumpama ini diadakan bertujuan untuk meraikan para pesara dan sebagai tanda penghargaan di atas jasa dan sumbangan bakti mereka sepanjang berkhidmat di Kementerian ini serta Jabatan-Jabatan di bawahnya.

**/TAMAT**

Dikeluarkan oleh:  
**Unit Perhubungan Awam**  
**Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**  
**03hb. Jun 2023M**